



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 22 NOVEMBER 2021

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	MAFI PRIHATIN SUMBANG 500 BAKUL MAKANAN, UM -ONLINE MAFI TO DEVELOP A SUSTAINABLE TUNA FISHING INDUSTRY, ASIA NEWS TODAY -ONLINE AGRICULTURE MINISTRY TO DEVELOP A SUSTAINABLE TUNA FISHING INDUSTRY, SAYS MINISTER, ENEWSPAPER.MY -ONLINE AGRICULTURE MINISTRY TO DEVELOP A SUSTAINABLE TUNA FISHING INDUSTRY, SAYS MINISTER, MALAYSIA NEWS PORTAL -ONLINE MAFI BANGUNKAN INDUSTRI PERIKANAN TUNA SECARA MAMPAN, SH -ONLINE DEEPSEA FISHING LICENCE APPROVAL TO BE UNDER FISHERIES DEPT, NEWS, THE SUN -5 SYOR PESERTA INDUSTRI BUKA KILANG, USAHA KAPAL TUNA, NASIONAL, BH -18	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
8. 9. 10. 11. 12.	2,759 PESAWAH TERJAJAS AKIBAT BANJIR DI KEDAH, BH -ONLINE 337,765 ORANG BEKERJA SENDIRI SUDAH MENCARUM DENGAN PERKESO, ASTRO AWANI -ONLINE 337,765 OBS MENCARUM PERKESO, NASIONAL, SH -18 2,849 HEKTAR PADI DI PENDANG DITENGGELAMI BANJIR, NEGERI KEDAH, SH -30 2,759 PESAWAH TERKESAN AKIBAT BAH DI KEDAH, NASIONAL, BH -22	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22.	BANJIR 'TERMENUNG' TENGGELAMKAN SAWAH, NEGERI, KEDAH, SH -30 BANJIR 'TERMENUNG' JEJAS 156 HEKTAR BENDANG, NASIONAL, BH -22 2,759 FARMERS AFFECTED DUE TO FLOODS, NEWS, MAKKAL OSAI -5 KENAIKAN HARGA BAJA, RACUN BEBANKAN PETANI, NASIONAL, BH -20 40 PETANI TERMENUNG 156 HEKTAR SAWAH DIGENANGI BANJIR, LOKAL, HM -16 PEKEBUN RUGI, TANAMAN DIGENANGI AIR TERMENUNG, NEGARA, KOSMO -16 BANJIR 'TERMENUNG' TENGGELAMI 156 HEKTAR SAWAH, MUKA DEPAN, BH -1 PESARA RUGI RM30,000 AKIBAT 'BANJIR TERMENUNG', DALAM NEGERI, UM -29 SWEET PICKINGS, NEWS, THE SUN -5 TIDAK PINGGIR NELAYAN BERDASAR IDEOLOGI POLITIK, PERIKATAN NASIONAL, HARAKAH -14	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

MAFI Prihatin sumbang 500 bakul makanan



NIK MUHAMMAD ZAWAWI ketika menyampaikan sumbangan di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Pasir Puteh, Pasir Puteh Kelantan, hari ini.

PETALING JAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) menyampaikan sumbangan sebanyak 500 bakul makanan kepada penduduk kawasan Pasir Puteh yang

terjejas, yang terdiri daripada orang awam, warga petani, penternak dan nelayan serta petugas barisan hadapan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh menyampaikan sumbangan sebanyak 500 bakul makanan kepada penduduk kawasan Pasir Puteh, Kelantan yang terjejas.

Menurut kenyataan kementerian berkenaan, penerima sumbangan MAFI Prihatin menerusi LPNM itu terdiri daripada orang awam, warga petani, penternak, nelayan dan petugas barisan hadapan.

Katanya, pelaksanaan Program Mafi Prihatin di bawah LPNM itu merupakan siri bantuan MAFI Prihatin yang dilaksanakan oleh LPNM dan semua agensi di bawah MAFI di seluruh negara.

“Antara barangan sumbangan di dalam kotak makanan yang disampaikan adalah beras, gula, tepung, minyak masak, susu pekat, biskut, bihun nanas tin serta jem nanas.

“Turut disumbangkan adalah buah nanas MD2 sebagai sebahagian kempen makan nanas oleh LPNM,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Terdahulu, pemberian sumbangan MAFI Prihatin ini merupakan program yang direncanakan oleh MAFI dan telah dilancarkan pada Januari lepas bagi membantu mereka yang terkesan akibat musibah yang melanda negara seperti banjir dan pandemik Covid-19.

Sumbangan juga diberikan kepada petugas barisan hadapan sebagai menghargai jasa dan pengorbanan menangani pandemik Covid-19.

Setakat Oktober, seramai 125,724 orang telah menerima bantuan MAFI Prihatin di seluruh negara melalui 626 program MAFI Prihatin yang dilaksanakan oleh jabatan serta agensi di bawah MAFI.

Dalam pada itu, MAFI memberitahu, pihaknya menerusi LPNM turut menyampaikan Insentif tanaman nanas Negeri Kelantan di bawah Projek Pengukuhan Tanaman Nanas Bernilai Tinggi bagi tahun 2021 berjumlah RM1.9 juta.

Katanya, sebanyak RM341,555.40 insentif Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Prihatin Pengusaha Nanas berupa insentif lori dan jentera kepada Koperasi Penanam-Penanam Nanas Kelantan Berhad serta set mesin penyembur berkuasa kepada pekebun nanas terlibat.

“PRE Prihatin Pengusaha Nanas merupakan insentif yang diberikan oleh pihak Kerajaan melalui MAFI dan LPNM telah mula melaksanakan program bantuan insentif ini bermula April 2020 hingga Disember ini.

“Peruntukan PRE Prihatin Pengusaha Nanas bertujuan untuk merancakkan ekonomi para pengusaha nanas susulan pandemik Covid-19.

“Peruntukan tambahan kepada LPNM ini sedikit sebanyak dapat memberi kelegaan kepada para pengusaha nanas yang terlibat di sepanjang rantai industri yang terdiri daripada pekebun kecil, pengangkut dan penjual, pemasaran, pengeksport dan usahawan industri asas tani dengan penerima manfaat adalah seramai 5000 orang,” ujarnya. -UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/11/2021	ASIA NEWS TODAY	ONLINE	

MAFI to develop a sustainable tuna fishing industry



LABUAN: The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) will develop the tuna fishing industry in the country with the active involvement of deep-sea fishing industry players. Its Minister Datuk Seri Ronald Kiandee said the Tuna Industry Development Strategic Plan 2021-2030 (10 years) had been drafted in realising his ministry's aspirations.

"The tuna fishing industry has great potential as a new source of national wealth to be developed in

Sabah and Labuan, in line with the transformation and development of the fisheries sector under the National Agrofood Policy 2.0 (DAN 2.0)," he said at the engagement session with senior tuna industry players at a hotel today.

He called on existing investors and industry players to open factories and operate tuna vessels, as well as to turn Labuan into a tuna hub servicing markets in Peninsular Malaysia and abroad.

"Cooperation between the government and the private sector is very important to ensure that the tuna industry continues to grow in the country and benefit all parties.

Ronald also said the benefits are not limited to tuna fishing activities only, but also various other services along the tuna industry value chain such as ports, transportation, storage and processing.

Malaysia should take the opportunity as a member of the Indian Ocean Tuna Commission (IOTC) to send more fishing vessels to catch tuna in the Indian Ocean and encourage more tuna vessels to land in Malaysia, he added.

"The government also intends to join another international fisheries management organisation that manages tuna resources in the Pacific Ocean, the Western and Central Pacific Fisheries Commission (WCPFC), apart from the IOTC, which Malaysia joined in 1998," he said.

Ronald said participation in the WCPFC would enable Malaysia to boost its tuna industry and deep-sea fisheries. As of October 2021, a total of 20 tuna vessels, 19 tuna fishing vessels and a tuna carrier vessel have been licensed and were operating in the Indian Ocean.

"The government is hoping that up to 74 Malaysian-flagged tuna fishing vessels will operate in the Indian Ocean by 2030 in line with the total quota allocated by the IOTC. "There are still 54 quotas that have not been applied for, and the government welcomes industry players to apply for permits and get involved in the tuna fishing industry in the Indian Ocean," he said.

— BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/11/2021	ENEWSPAPER.MY	ONLINE	

Agriculture Ministry to develop a sustainable tuna fishing industry, says minister



LABUAN, Nov 21 —The Ministry of Agriculture and Food Industries (Mafi) will develop the tuna fishing commerce inside the nation with the energetic involvement of deep-sea fishing commerce avid gamers.

Its Minister Datuk Seri Ronald Kiandee said the Tuna Industry Development Strategic Plan 2021-2030 (10 years) had been drafted in realising his ministry's aspirations.

"The tuna fishing commerce has good potential as a brand new provide of nationwide wealth to be developed in Sabah and Labuan, based on the transformation and development of the fisheries sector under the National Agrofood Policy 2.0 (DAN 2.0)," he said on the engagement session with senior tuna commerce avid gamers at a lodge within the current day.

He known as on current merchants and commerce avid gamers to open factories and performance tuna vessels, along with to flip Labuan right into a tuna hub servicing markets in Peninsular Malaysia and abroad.

"Cooperation between the federal authorities and the non-public sector is crucial to ensure that the tuna commerce continues to develop inside the nation and revenue all occasions.

Ronald moreover said the benefits normally should not restricted to tuna fishing actions solely, however as well as quite a few totally different suppliers alongside the tuna commerce value chain equivalent to ports, transportation, storage and processing.

Malaysia must take the prospect as a member of the Indian Ocean Tuna Commission (IOTC) to ship further fishing vessels to catch tuna inside the Indian Ocean and encourage further tuna vessels to land in Malaysia, he added.

"The authorities moreover intends to be a part of one different worldwide fisheries administration organisation that manages tuna property inside the Pacific Ocean, the Western and Central Pacific Fisheries Commission (WCPFC), except for the IOTC, which Malaysia joined in 1998," he said.

Ronald said participation inside the WCPFC would permit Malaysia to boost its tuna commerce and deep-sea fisheries.

As of October 2021, an entire of 20 tuna vessels, 19 tuna fishing vessels and a tuna supplier vessel have been licensed and have been working inside the Indian Ocean.

"The authorities is hoping that as much as 74 Malaysian-flagged tuna fishing vessels will perform inside the Indian Ocean by 2030 based on the complete quota allotted by the IOTC.

“There are nonetheless 54 quotas that haven’t been utilized for, and the federal authorities welcomes commerce avid gamers to use for permits and grow to be concerned inside the tuna fishing commerce inside the Indian Ocean,” he said. — eNM

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/11/2021	MALAYSIA NEWS PORTAL	ONLINE	

Agriculture Ministry to develop a sustainable tuna fishing industry, says minister | Money



Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ronald Kiandee speaks at a press conference after launching the eAgro online platform at Universiti Putra Malaysia in Serdang, November 1, 2021. — Bernama pic

LABUAN, Nov 21 —The Ministry of Agriculture and Food Industries (Mafi) will develop the tuna fishing industry in the country with the active involvement of deep-sea fishing industry players.

Its Minister Datuk Seri Ronald Kiandee said the Tuna Industry Development Strategic Plan 2021-2030 (10 years) had been drafted in realising his ministry's aspirations.

"The tuna fishing industry has great potential as a new source of national wealth to be developed in Sabah and Labuan, in line with the transformation and development of the fisheries sector under the National Agrofood Policy 2.0 (DAN 2.0)," he said at the engagement session with senior tuna industry players at a hotel today.

He called on existing investors and industry players to open factories and operate tuna vessels, as well as to turn Labuan into a tuna hub servicing markets in Peninsular Malaysia and abroad.

"Cooperation between the government and the private sector is very important to ensure that the tuna industry continues to grow in the country and benefit all parties.

Ronald also said the benefits are not limited to tuna fishing activities only, but also various other services along the tuna industry value chain such as ports, transportation, storage and processing.

Malaysia should take the opportunity as a member of the Indian Ocean Tuna Commission (IOTC) to send more fishing vessels to catch tuna in the Indian Ocean and encourage more tuna vessels to land in Malaysia, he added.

"The government also intends to join another international fisheries management organisation that manages tuna resources in the Pacific Ocean, the Western and Central Pacific Fisheries Commission (WCPFC), apart from the IOTC, which Malaysia joined in 1998," he said.

Ronald said participation in the WCPFC would enable Malaysia to boost its tuna industry and deep-sea fisheries.

As of October 2021, a total of 20 tuna vessels, 19 tuna fishing vessels and a tuna carrier vessel have been licensed and were operating in the Indian Ocean.

"The government is hoping that up to 74 Malaysian-flagged tuna fishing vessels will operate in the Indian Ocean by 2030 in line with the total quota allocated by the IOTC.

“There are still 54 quotas that have not been applied for, and the government welcomes industry players to apply for permits and get involved in the tuna fishing industry in the Indian Ocean,” he said. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI bangunkan industri perikanan tuna secara mapan



Ronald Kiandee (kiri) bersama Ketua Pengarah Perikanan Malaysia Ahmad Tarmidzi Ramly (kanan) menyaksikan pemprosesan ikan tuna pada sesi lawatan ke Kilang Labuan Food Industries Sdn Bhd hari ini. Foto Bernama

LABUAN - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan membangunkan industri perikanan tuna negara dengan penglibatan aktif pemain industri perikanan laut dalam.

Menterinya, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna 2021-2030 telah dirangka dalam merealisasikan hasrat kementerian itu.

"Industri perikanan tuna ini mempunyai potensi yang besar sebagai sumber kekayaan baharu negara untuk dikembangkan di Sabah dan Labuan selaras dengan transformasi serta pembangunan sektor perikanan yang menyeluruh di bawah Dasar Agromakanan Negara 2.0," katanya pada majlis libat urus pengurusan tertinggi bersama pemain industri tuna di sebuah hotel di sini pada Ahad.

Beliau turut menyeru agar pelabur dan pemain industri sedia ada membuka kilang serta mengusahakan vesel tuna selain menjadikan Labuan sebagai hab untuk pasaran ke Semenanjung Malaysia dan luar negara.

"Kerjasama antara kerajaan dan pihak swasta amat penting dalam memastikan pembangunan industri Tuna terus berkembang di negara ini serta dapat dimanfaatkan oleh semua pihak," ujarnya.

Ronald juga berkata, manfaat yang bakal diperoleh tidak hanya terhad kepada aktiviti penangkapan ikan tuna sahaja malah pelbagai perkhidmatan lain di sepanjang rantai nilai industri tuna boleh dibangunkan seperti pelabuhan, pengangkutan, penyimpanan dan pemprosesan.

"Malaysia harus mengambil peluang sebagai ahli Suruhanjaya Tuna Lautan Hindi (IOTC) untuk menghantar lebih banyak vesel perikanan menangkap ikan di lautan itu dan menggalakkan lebih banyak vesel tuna mendarat di negara ini.

"Kerajaan juga berhasrat menyertai satu lagi organisasi pengurusan perikanan antarabangsa yang menguruskan sumber tuna di sebelah Lautan Pasifik iaitu Suruhanjaya Perikanan Pasifik Barat dan Tengah (WCPFC) selain IOTC yang telah Malaysia sertai sebelum ini iaitu sejak 1998," katanya.

Ronald berkata, langkah itu akan membolehkan Malaysia merencanakan industri tuna dan perikanan laut dalam.

Beliau berkata, setakat Oktober 2021, sebanyak 20 vesel tuna iaitu 19 vesel penangkapan ikan dan sebuah vesel pengangkut telah dilesenkan serta beroperasi di Lautan Hindi.

“Kerajaan menggalakkan sehingga 74 vesel penangkapan ikan tuna berbendera Malaysia beroperasi di Lautan Hindi menjelang tahun 2030 selari dengan jumlah kuota yang diperuntuk oleh IOTC untuk beroperasi di kawasan itu.

“Masih berbaki 54 kuota lagi yang belum dipohon dan kerajaan mengalu-alukan pemain industri memohon permit untuk terlibat sama dalam penangkapan ikan tuna di Lautan Hindi,” jelasnya. - Bernama

Deepsea fishing licence approval to be under Fisheries Dept

LABUAN: The Agriculture and Food Industries Ministry will devolve authority to the Sabah Fisheries Department director to approve Class C2 deepsea fishing licences from Dec 1.

Minister Datuk Seri Ronald Kiandee said the devolution of power was in line with the development of the fisheries sector in the country.

"Previously, licences were approved by the Malaysian Fisheries Department director-general, but following discussions (at the ministry level), the government had decided to delegate this power to the Sabah

Fisheries Department director," he said after a visit to a tuna processing factory, Labuan Food Industries Sdn Bhd, in Jalan Patau-Patau near here yesterday.

Ronald said the devolution of power was done to speed up the licence approval process as well as to improve the deepsea fishing industry in the state.

"There is still room in the deepsea fishing industry to explore and develop in future."

He said the downstream production process, which is among those in the deepsea fisheries industry in the country,

has not been widely developed.

"There have been various issues raised by the downstream industry players, including marketing, and these problems will be given due attention.

"We need the support and involvement of the fisheries industry players to help us realise the government's hope to see the deepsea fisheries industry developed sustainably," he added.

Meanwhile, he said the fisheries industry in the country is still able to meet domestic needs and further contribute to the gross domestic product. - Bernama

Syor peserta industri buka kilang, usaha kapal tuna

Sektor perikanan berpotensi jadi sumber kekayaan baharu negara

Oleh Saadiyah Ismail
saadiyah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyarankan pelabur dan peserta industri untuk membuka kilang serta mengusahakan vesel tuna, serta menjadikan Labuan sebagai Hab Tuna untuk pasaran ke Semenanjung dan luar negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata industri perikanan tuna berpotensi besar sebagai sumber kekayaan baharu negara untuk dikembangkan di Sabah dan Labuan, yang juga selaras transformasi serta pembangunan sektor perikanan menyeluruh bawah Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0).

Beliau berkata, kerjasama antara kerajaan dengan pihak swasta amat penting bagi memastikan pembangunan industri tuna terus berkembang di negara ini, sekali gus dapat dimanfaatkan semua pihak.

"Manfaat itu tidak hanya terhad kepada aktiviti penangkapan ikan tuna, malah pelbagai perkhidmatan lain di sepanjang rantaian nilai industri tuna boleh turut dibangunkan seperti pelabuhan, pengangkutan, penyimpanan, pemrosesan dan lain-lain.

"Ini termasuk produk tambah



Ronald Kiandee (kiri) menyaksikan pemrosesan ikan tuna pada sesi lawatan ke Kilang Labuan Food Industries Sdn Bhd, di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

nilai seperti steak tuna, tuna tin, sate, serunding dan keropok kulit tuna.

"Justeru, peningkatan kualiti pascatuai dan nilai tambah bagi hasil perikanan tuna, akan terus diberi penekanan," katanya pada sesi libat urus bersama pihak berkepentingan sektor perikanan laut dalam, terutama di Sabah dan Labuan, semalam.

Sesi libat urus itu diadakan bagi mendapatkan input penting daripada semua pihak berkepentingan berkaitan, sebagai langkah penyediaan perancangan ke arah kemajuan industri tuna tempatan.

Seterusnya, Ronald berkata, negara juga perlu mengambil peluang sebagai negara ahli Suruhanjaya Tuna Lautan Hindi (IO-

TC), untuk menghantar lebih banyak vesel perikanan menangkap tuna di Lautan Hindi dan menggalakkan lebih banyak vesel tuna mendarat di Malaysia.

"Kerajaan juga berhasrat menyertai satu lagi organisasi pengurusan perikanan antarabangsa yang menguruskan sumber tuna di sebelah Lautan Pasifik, iaitu Suruhanjaya Perikanan Pasifik Barat dan Tengah (WCPFC), selain daripada IOTC yang Malaysia sertai sejak 1998.

"Menerusi penyertaan dalam WCPFC kelak, Malaysia boleh merencanakan industri tuna dan meningkatkan lagi hasil pendaratan tuna.

"Seterusnya, membangunkan industri laut dalam dan tuna dengan meningkatkan pendaratan

sektor perikanan dan jaminan sekuriti makanan negara serta menggalakkan pembabitan pengusaha industri laut dalam dan tuna di sepanjang rantaian industri tuna," katanya.

Hingga Oktober lalu, 20 vesel tuna membabitkan 19 untuk penangkapan tuna dan sebuah kapal pengangkut tuna dilesenkan, beroperasi di Lautan Hindi, manakala satu lagi vesel penangkapan tuna dijangka dilesenkan pada hujung tahun ini.

Kerajaan menggalakkan hingga 70 vesel penangkapan ikan tuna berbendera Malaysia, beroperasi di Lautan Hindi menjelang 2030 bagi membolehkan kuota pendaratan ikan tuna oleh Malaysia di Lautan Hindi sebanyak 30,000 tan tercapai.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

2,759 pesawah terjejas akibat banjir di Kedah



PENDANG: Seramai 2,759 pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Pendang terjejas selepas 5,849 hektar sawah ditenggelami banjir sejak bulan lalu.

Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman, berkata banjir berlaku akibat hujan lebat bermula 17 Oktober hingga 2 November lalu, dengan jumlah hujan antara 157 milimeter (mm) hingga 331mm diikuti fenomena air pasang besar bermula 4 hingga 7 November lalu.

Katanya, MADA sudah memanjangkan laporan berkaitan bencana yang melanda kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi mendapatkan pertimbangan bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi untuk pesawah yang terjejas.

"Bancian sudah mula dibuat di kawasan bencana terbabit bagi menentukan kerosakan yang berlaku kepada kawasan sawah sebelum ia akan dihantar ke Jawatankuasa Teknikal untuk pertimbangan mendapatkan bantuan.

"Bagi bantuan benih padi pula, kita sudah berhubung dengan pengeluar di kawasan MADA dan mereka memberi jaminan bekalan benih cukup untuk petani membuat tanaman semula di kawasan yang sebelum ini dilanda banjir," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Bantuan Bakul Makanan MAFI-Prihatin MADA kepada 618 pesawah di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA, Titi Haji Idris, di sini, hari ini.

Hadir bagi menyerahkan bantuan itu adalah Ahli Parlimen Pendang merangkap Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Awang Hashim.

Mengulas lanjut, Ahmad Tarmizi berkata, pihaknya telah melaksanakan 78 Program MAFI Prihatin sejak Januari lalu, di seluruh kawasan MADA dengan jumlah penerima sumbangan adalah seramai 8,776 petani dengan peruntukan sebanyak RM664,443.

Katanya, penerima sumbangan itu terdiri daripada petani yang terjejas dengan bencana alam dan terkesan disebabkan pandemik COVID-19 serta petugas barisan hadapan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/11/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

337,765 Orang Bekerja Sendiri sudah mencarum dengan Perkeso



Majlis Penyerahan Bakul Makanan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA D-III, Titi Haji Idris, dekat Pendang pada Ahad. - Foto Astro AWANI

PENDANG: Seramai 337,765 Orang Bekerja Sendiri (OBS) di seluruh negara sudah menjadi pencarum Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) secara aktif membabitkan kutipan sebanyak RM77 juta sehingga Rabu lalu.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Awang Hashim, berkata, jumlah kutipan itu diperolehi sejak kerajaan mula memperkenalkan program Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) pada 1 Jun 2017.

Beliau berkata daripada jumlah itu, seramai 1,752 OBS telah menerima bayaran faedah sebanyak RM5.1 juta.

"Mereka yang mencarum itu termasuk petani, artis, penjaja, pekerja perkhidmatan dan pelancongan, yang dikategorikan sebagai OBS. Malah, seramai 1,752 OBS telah menerima bayaran faedah sebanyak RM5.1 juta, setakat ini.

"Selain itu, Perkeso turut melaksanakan program Geran Padanan SKSPS bermula tahun lalu, bagi menggalakkan lebih ramai pekerja sendiri yang dianggarkan lebih 810,000 orang di seluruh negara, turut mendapatkan perlindungan sosial dan manfaat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Bakul Makanan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA D-III, Titi Haji Idris, dekat Pendang pada Ahad.

Mengulas lanjut, Awang yang juga Ahli Parlimen Pendang, berkata menerusi program Geran Padanan SKSPS, pencarum hanya perlu membayar sebanyak 30 peratus daripada RM232.80 bayaran setahun bagi skim caruman dua manakala baki 70 peratus akan dibiayai kerajaan.

Katanya, bagi meneruskan perlindungan terhadap golongan ini yang akan tamat pada 31 Disember depan, kerajaan bercadang untuk meningkatkan Geran Padanan kepada 80 peratus pada tahun depan berbanding 70 peratus pada tahun 2021 dimana pencarum di bawah skim dua hanya perlu mencarum sebanyak 20 peratus sahaja.

337,765 OBS mencarum Perkeso

Melibatkan kutipan sebanyak RM77 juta di seluruh negara setakat Rabu lalu

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ
WAN MANSOR

PENDANG

Seramai 337,765 orang bekerja sendiri (OBS) telah menjadi pencaerum Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) secara aktif melibatkan kutipan sebanyak RM77 juta di seluruh negara setakat Rabu lalu.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Awang Hashim berkata, daripada jumlah itu, seramai 1,752 OBS sudah menerima bayaran faedah sebanyak RM5.1 juta, terdiri daripada golongan petani, artis, penjaja, perkhidmatan, pelancongan dan lain-lain kategori.

Menurutnya, kementerian akan terus melaksanakan sesi libat urus dengan pelbagai agensi bagi memperluaskan lagi capaian maklumat, selain promosi berkaitan program Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) yang diperkenalkan sejak 1 Jun 2017.

"Saya mahu menggalakkan petani atau pesawah sertai SKSPS. Jika berlaku kemalangan ketika dalam perjalanan ke sawah atau sedang bekerja, Perkeso akan bayar faedah.

"Sekiranya ditakdirkan kita meninggal dunia, insya-ALLAH duit perlindungan pengurusan jenazah akan diberi serta-merta sebanyak RM2,000.

"Seterusnya pencen penakat juga akan diberikan kepada isteri sepanjang hayatnya dan anak-anak sehingga umur 18 tahun atau tamat pengajian di universiti," katanya pada sidang akhbar selepas

merasmikan Majlis Penyerahan Bakul Makanan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA D-III, Titi Haji Idris di sini pada Ahad.

Mengulas lanjut, Awang berkata, 1,450 petani di Kedah telah mencarum dengan Perkeso dan kini kempen kerjasama dengan MADA akan digiatkan bagi memberi kesedaran kepada lebih 50,000 lagi pesawah di Kawasan Muda untuk mencarum menerusi SKSPS.

Menurutnya, Kementerian Sumber Manusia menerusi Perkeso juga turut melaksanakan program Geran Penuh atau Padanan Caruman SKSPS tahun lalu bagi meluaskan liputan perlindungan sosial kepada lebih 810,000 orang pekerja yang bekerja sendiri.

Awang (kanan) menyerahkan bakul makanan MAFI Prihatin-MADA kepada seorang pesawah yang terjejas akibat banjir di PPK MADA D-III, Titi Haji Idris, Pendang pada Ahad.



Banjir 'termenung' tenggelamkan sawah

40 petani resah banjir 'termenung' lambatkan penanaman padi musim baharu

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

RANTAU PANJANG

Seramai 40 petani resah apabila kawasan sawah seluas 156 hektar yang diusahakan di Kampung Luar dan Terusan di sini ditenggelami banjir 'termenung' sekali gus melambatkan musim kerja-kerja penanaman padi bagi musim baharu.

Dakwa petani, masalah itu berpunca daripada pembinaan tebatan banjir yang menyebabkan air terperangkap sekali gus menyebabkan berlakunya banjir itu.

Wakil petani, Azli Jaafar, 53, berkata, kebiasaannya petak-petak sawah tidak akan ditenggelami air walaupun hujan lebat dalam tempoh dua hingga empat hari.

"Namun situasi itu berubah apabila hujan sejak dua hari lalu menyebabkan kawasan itu ditenggelami air.

"Selepas itu keadaan cuaca baik, namun air masih belum surut," katanya kepada pemberita di sini pada Ahad.

Menurutnya, jika situasi itu berterusan, golongan petani tidak me-



Johari (kiri) ketika turun padang melihat kawasan sawah padi yang ditenggelami banjir termenung di Rantau Panjang pada Ahad.

tidak kemungkinan kerja-kerja penanaman padi musim baharu akan bermula seawat-lewatnya bulan Mac tahun depan.

Katanya, justeru, dia berharap pihak berkenaan dapat mencari alternatif terbaik untuk membantu petani di kawasan tersebut.

Azli berkata, petani dijangka akan terus berdepan kerugian jika kerja-kerja penanaman padi lewat dimulakan.

"Keseluruhan petani di sini bergantung sepenuhnya kepada tanaman padi. Jadi bantulah kami untuk atasi masalah ini," katanya.

Seorang lagi petani, Che Nazir Che Soh, 62, mengakui buntu memikirkan kerosakan yang terpaksa ditanggung akibat banjir 'termenung' itu.

Katanya, sebanyak 305 pokok kelapa yang ditanam Mac lalu telah ditenggelami air.

Dia berkata, selain pokok kelapa, pisang turut menjadi mangsa.

Menurutnya, sebanyak RM30,000 wang pencen telah dilaburkan untuk projek tanaman tersebut.

Sementara itu, Pengurus Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Rantau Panjang, Johari Rashid berkata, pihaknya sedang mengumpul segala maklumat berikutan masalah yang dihadapi oleh petani tersebut.

"Hari ini (Ahad) saya sendiri turun padang untuk melihat situasi sebenar dan segala maklumat yang diperolehi akan diajukan kepada pihak berkenaan untuk tindakan lanjut," katanya.

5,849 hektar padi di Pendang ditenggelami banjir

PENDANG - Seluas 5,849 hektar tanaman padi kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di sini ditenggelami banjir akibat hujan lebat bermula 17 Oktober sehingga 2 November dengan jumlah hujan antara 157 milimeter (mm) hingga 331mm.

Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, kejadian banjir itu juga diikuti fenomena air pasang besar yang bermula pada 4 November hingga 7 November lalu.

Menurutnya, pihaknya telah memanjangkan laporan bagi pertimbangan Tabung Bencana Tanaman Padi, Kementerian Pertani-



Ahmad Tarmizi (tiga dari kanan) ketika Majlis Penyerahan Bantuan Bakul Makanan MAFI-Prihatin MADA di Titi Haji Idris, Pendang yang dirasmikan oleh Awang (empat dari kiri).

an dan Industri Makanan (MAFI) untuk membantu pesawah yang terjejas.

"Bancian sudah mula dibuat di kawasan terlibat

banjir bermula sejak kejadian hingga Disember ini bagi menentukan kerosakan yang berlaku. Bancian akan dibawa ke Jawatankuasa

Teknikal untuk pertimbangan sebagai bantuan.

"Dari sudut benih padi pula, kita telah berhubung dengan pengeluar di dalam

kawasan MADA dan mereka mengatakan bahawa bekalan benih cukup untuk petani membuat tanaman semula di kawasan terlibat banjir," katanya pada sidang akhbar di Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA D-III, Titi Haji Idris dekat sini pada Ahad.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyerahan Bantuan Bakul Makanan MAFI-Prihatin MADA kepada 618 keluarga petani yang dirasmikan Ahli Parlimen Pendang merangkap Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Awang Hashim.

Hadir sama, Exco

Kesihatan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Hayati Othman yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tokai.

Mengulas lanjut, Ahmad Tarmizi berkata, MADA telah melaksanakan 78 Program MAFI Prihatin sejak Januari 2021 melibatkan keseluruhan kawasan Muda dengan jumlah penerima sumbangan 8,776 orang dengan peruntukan sebanyak RM664,443.

Jelasnya, penerima sumbangan terdiri daripada peladang yang terjejas akibat bencana alam dan terkesan disebabkan pandemik Covid-19 serta penagas barisan hadapan.

2,759
pesawah
terkesan
akibat bah
di Kedah

Pendang: Seramai 2,759 pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Pendang terjejas selepas 5,849 hektar sawah ditenggelami banjir, sejak bulan lalu.

Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman, berkata banjir berlaku akibat hujan lebat bermula 17 Oktober hingga 2 November lalu, dengan jumlah hujan antara 157 milimeter (mm) hingga 331mm diikuti fenomena air pasang besar bermula 4 hingga 7 November lalu.

Katanya, MADA sudah memanjangkan laporan berkaitan bencana itu kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi mendapatkan pertimbangan bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi untuk pesawah yang terjejas.

"Bancian sudah mula dibuat di kawasan Bencana terbabit bagi menentukan kerosakan pada kawasan sawah sebelum dihantar ke Jawatankuasa Teknikal untuk pertimbangan mendapatkan bantuan.

"Bagi bantuan benih padi pula, kita sudah berhubung dengan pengeluar di kawasan MADA dan mereka memberi jaminan bekalan benih cukup untuk petani membuat tanaman semula di kawasan yang sebelum ini dilanda banjir," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Bantuan Bakul Makanan MAFI-Prihatin MADA kepada 618 pesawah di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA Titi Haji Idris, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Ahmad Tarmizi berkata, pihaknya sudah melaksanakan 78 Program MAFI Prihatin sejak Januari lalu, di seluruh kawasan MADA dengan jumlah penerima sumbangan adalah seramai 8,776 petani dengan peruntukan RM664,443.

Katanya, penerima sumbangan itu terdiri daripada petani yang terjejas dengan bencana alam dan terkesan disebabkan pandemik COVID-19 serta petugas barisan hadapan.

Sementara itu, mangsa banjir di Kubang Pasu kekal dengan 28 mangsa daripada enam keluarga yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) di Dewan Kampung Lahar, setakat jam 4 petang semalam.

Ketua Bahagian Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Kedah, Mejar (PA) Mohd Muaz Mohd Yusoff, berkata semua mangsa terbabit masih ditempatkan di PPS itu sejak ia dibuka jam 9 malam kelmarin.

Banjir 'termenung' jejas 156 hektar bendang

Hampir 40
pesawah resah
air tak surut sejak
dua minggu lalu

Oleh Syaberah Mustafa
bhnews@bh.com.my

Rantau Panjang: Hampir 40 pesawah resah memikirkan banjir 'termenung' yang menenggelami 156 hektar sawah milik mereka di Kampung Tersang dan Kampung Luar, Gual Perioik, di sini.

Mereka mendakwa banjir termenung sejak dua minggu lalu itu julung kali berlaku walaupun kawasan berkenaan menjadi lokasi bah hampir setiap tahun, dipercayai disebabkan pembinaan projek tebatan banjir di lokasi berdekatan.

Ketua Unit (Pesawah) Kampung Luar, Azli Jaafar, berkata keadaan itu membimbangkan pesawah yang sepatutnya mula menanam padi pada awal Januari, namun terpaksa ditunda sehingga Mac atau April tahun hadapan.

"Alhamdulillah, majoriti pesawah sempat menuai sebelum banjir, tetapi masalah baharu timbul akibat banjir termenung yang boleh mengganggu proses menuai, sekali gus menyebabkan kerugian kepada pesawah, selain melambatkan pengeluaran hasil



Sebahagian 40 pesawah memantau air banjir 'termenung' ketika ditemui di kawasan sawah Kampung Luar, Gual Perioik, Rantau Panjang, semalam.
(Foto Nik Abdullah Nik Omar /BH)

padi pada masa akan datang.

"Kami perlu sentiasa bersedia hadapi banjir kerana maklum lokasi sawah di kawasan rendah, tetapi kemunculan bah yang tidak surut mengganggu kami. Pihak berwajib yang menjalankan pembangunan seharusnya peka dengan keadaan semasa kerana kami sebagai pesawah teraniaya dan menerima kesan buruk," katanya.

Azli berkata, pesawah tidak menolak sebarang pembangu-

nan, malah menerima baik, tetapi ia perlu dirancang sebaiknya supaya tidak memberi kesan negatif kepada mana-mana pihak.

Turut terjejas, pemilik ladang kelapa, Che Nazir Che Soh, 62, yang mengakui akan kerugian RM30,000 jika masalah banjir termenung tidak diselesaikan segera kerana ladangnya turut ditenggelami air yang boleh menyebabkan pokok kelapa muda rosak.

Sementara itu, Pengurus Besar

Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Rantau Panjang, Johari Rashid, berkata selepas bertemu dan berbincang dengan pesawah, pihaknya akan mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah terbabit.

"Beberapa perbincangan dirancang dengan agensi berkaitan bagi membantu pesawah di dua penempatan ini kerana kami difahamkan sawah berkenaan satu-satunya punca pendapatan mereka," katanya.

Headline	2,759 farmers affected due to floods		
MediaTitle	Makkal Osai		
Date	22 Nov 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	28,000
Page No	5	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	267 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,748
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,244



வெள்ளத்தினால் 2,759 விவசாயிகள் பாதிப்பு

பெண்டாங், நவ. 22-
கடந்த மாதம் தொடங்கி
சுமார் 5,849 ஹெக்டர் வயல்
நிலங்கள் வெள்ளத்தில்
மூழ்கியதால் பெண்டாங் இளம்
விவசாய மேம்பாட்டு வாரிய
(மாடா) பகுதியில் உள்ள 2,759
விவசாயிகள் பாதிக்கப்பட்டுள்
ளனர்.

கடந்த அக்டோபர் 17 ஆம்
தேதி தொடங்கி நவம்பர் 2ஆம்
தேதி வரை பெய்த அடைமழை
காரணமாக இந்த வெள்ளம்
ஏற்பட்டுள்ளது என்று மாடா
தலைவர் அகமட் தர்மிஷி
சுலைமான் தெரிவித்தார்.
இந்தப் பேரிடர் தொடர்பான
ஆய்வறிக்கையை மாடா அமைப்பு



விவசாய மற்றும் உணவு
துறை அமைச்சிடம் வழங்கி
யுள்ளது.

பாதிப்புற்ற விவசாயி
களுக்கு நெல் நடவு பேரிடர்
உதவி கிடைக்கப் பெறச்
செய்வதற்கு இந்த
ஆய்வறிக்கை அமைச்சிடம்
சமர்ப்பிக்கப்பட்டுள்ளது.

மேலும், உதவிகள்
கிடைப்பதனை பரிசீலனை
செய்வதற்கு ஆய்வறிக்கை,
தொழில்நுட்ப
செயற்குழுவிடம்
சமர்ப்பிப்பதற்கு முன்னதாக
நெல் வயல் பகுதிகளில்
ஏற்பட்ட பாதிப்புகளை உறுதி
செய்ய அங்கு ஆய்வு,
கணக்கெடுப்பு
மேற்கொள்ளப்படுகின்றது.

மேலும், இதற்கு முன்னதாக
வெள்ளம் ஏற்பட்ட
பகுதிகளில் மீண்டும் நெல்
நடவு செய்வதற்கு
விவசாயிகளுக்குப் போதிய
நாற்றுக்கள் இருப்பதை உறுதி
செய்ய நாங்கள் மாடா
பகுதிகளிலுள்ள
வெளியீட்டாளர்களைத்
தொடர்பு கொண்டோம்.

அவர்களும் போதிய
அளவில் நாற்றுக்கள்
இருப்பதை உறுதி
செய்துள்ளனர் என்றார் அவர்.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/11/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	22

Kenaikan harga baja, racun bebaskan petani

Kuala Terengganu: Kenaikan hingga 100 peratus harga baja dan racun sejak akhir-akhir ini, memberi tamparan hebat kepada petani.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid, berkata pihaknya sedia maklum mengenai kenaikan melampau harga baja dan racun tanaman dalam pasaran kini.

"Kita sudah mengadakan mesyuarat dengan beberapa pihak berhubung kenaikan harga baja dan racun, susulan rungutan petani yang diterima.

"Antara punca dikenal pasti ialah kos pengangkutan yang meningkat menyumbang kepada kenaikan harga baja dan racun.

"Selain itu, faktor kilang pengeluaran yang baru beroperasi semula selepas dihentikan sementara ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), juga menjadi punca kenaikan mendadak harga baja dan racun," katanya pada Program Lawatan Timbalan Menteri KPDNHEP di Kawasan Tanaman Fertigasi Melon Manis Terengganu (MMT) di Kampung Peradong, Manir, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Rosol berkata, pihaknya akan mengenal pasti langkah terbaik menyelesaikan isu kenaikan harga baja dan racun yang tidak terkawal dalam pasaran.



TINJAUAN dari udara menunjukkan Kampung Tersang dan Kampung Luar. Kual Perak yang dilipang banjir. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

40 petani termenung 156 hektar sawah digenangi banjir

Rantau Panjang: Hampir 40 pesawah masih menungkitkan banjir termenung di kawasan berdekatan. Ketua Unit (pesawah) Kampung Luar Azli Jaifar berkata, keadaan itu membimbangkan kumpulan pesawah yang sepatutnya mula menanam padi pada awal Januari, namun terpaksa ditunda sehingga Mac atau April tahun hadapan. "Kami perlu sentiasa bersedia dengan fenomena banjir kerana sudah sedia maklum lokasi berada di

kawasan rendah, tetapi bah yang tidak surut mengganggu kami. Pihak bertanggung jawab yang menjalankan projek pembangunan seharusnya dengan keadaan semasa kerana kami sebagai pesawah teramaya dan menerima kesan buruk gusuran pembangunan yang dijalankan, katikan, katikan, katikan ditemui di Kam-

Luar, Kual Perok di sini, semalam.

Azli berkata, golongan pesawah tidak menolak sebarang pembangunan, malah menerima baik, tetapi ia perlu dirancang sebaiknya supaya tidak memberi kesan negatif kepada mana-mana pihak.

Turut terkejut, ladang kelapa akan rugi RM30,000 jika masalah banjir termenung tidak diselesaikan.

Pemilik ladang kelapa akan rugi RM30,000 jika masalah banjir termenung tidak diselesaikan.

Panjang Johari Rashid berkata, pihaknya sudah membuat pertemuan dan perbincangan dengan pesawah untuk mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah ini.

"Beberapa perbincangan dirantang dengan agensi berkaitan bagi membantu pesawah di dua pentampatan ini kerana kami difahamkan sawah berkenaan satu-satunya menjadi punca pendapatan mereka," katanya.

yang mengukut akan kerugian sebanyak RM30,000 jika masalah banjir termenung tidak diselesaikan segera kerana ladangnya turut ditenggelami banjir.

Menurutnya, jika tanamannya terus ditenggelami air dalam masa yang lama ia mengakibatkan pokok kelapa yang masih muda rosak dan mengalami kerugian besar. Pengurus Besar Perubuhan Peladang Kawasan (PPK) Rantau

Pekebun rugi, tanaman digenangi air termenung

RANTAU PANJANG – Seorang pekebun berputih mata selepas projek tanaman kelapa dan pisang menggunakan wang pencen sebanyak RM30,000 ditenggelami banjir termenung sejak beberapa hari lalu.

Che Nazir Che Soh, 62, berkata, dalam kejadian itu, sebanyak 305 pokok kelapa yang ditanam sejak Mac lalu di Kampung Luar di sini tenggelam.

“Buat masa ini saya tidak dapat mengesahkan jumlah kerugian sebenar. Biasanya pengiraan akan dibuat selepas air surut.

“Selain kelapa, pokok pisang yang ditanam di kawasan sama turut tenggelam,” katanya ketika ditemui semalam.

Che Nazir yang juga pesara kerajaan itu merupakan antara 40 pekebun dan petani di Kampung Luar dan Tersang di sini yang berdepan masalah banjir termenung dipercayai berpunca daripada projek tebatan banjir.

Sementara itu, petani, Azli Jaafar, 53, merayu pihak yang bertanggungjawab supaya mencari alternatif terbaik membantu mereka yang terjejas.

Menurut Azli, petani dijangka terus berdepan kerugian sekiranya kerja-kerja penanaman padi lewat dimulakan.

“Padi merupakan sumber pendapatan utama kami. Biasanya jika hujan hingga empat hari, ka-



CHE NAZIR (kanan) menceritakan masalah yang dihadapi kepada Johari (kiri) semasa melawat kawasan pertanian yang ditenggelami banjir termenung di Rantau Panjang semalam.

Banjir termenung landa Rantau Panjang

RANTAU PANJANG – Empat buah kampung di sini terpaksa berdepan masalah banjir termenung susulan limpahan air kesan projek pembinaan tebatan banjir di Sungai Tersang yang sedang dijalankan ketika ini.

Sebelum ini, air sedalam 0.5 hingga 1 meter sehingga menyebabkan penduduk mula menggunakan perahu dalam urusan mereka. Keadaan itu menyebabkan seramai 31 orang penduduk termasuk kanak-kanak dan warga emas dari kampung tersebut sudah ditenggelami air sedalam 0.5 hingga 1 meter sehingga menyebabkan penduduk mula menggunakan perahu dalam urusan mereka.

KERATAN Kosmo/ kelmarin

wasan ini tidak tenggelam. Tetapi keadaan berubah sejak akhir-akhir ini meskipun cuaca baik namun air belum surut,” ujarnya.

Sementara itu, Pengurus Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Rantau Panjang, Johari Rashid memberitahu, pihaknya akan membawa perkara itu kepada pengetahuan pihak berwajib.

Kosmo! Sebelum ini melaporkan empat buah kampung di sini terpaksa berdepan banjir termenung susulan limpahan air kesan projek pembinaan tebatan banjir di Sungai Tersang yang sedang dijalankan ketika ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/11/2021	BERITA HARIAN	MUKA DEPAN	1



Banjir 'termenung' tenggelami 156 hektar sawah

Hampir 40 pesawah resah memikirkan banjir 'termenung' yang menenggelami 156 hektar sawah milik mereka di Kampung Tersang dan Kampung Luar, Gual Periok, di Rantau Panjang. Walaupun kawasan sawah ini dilanda bah setiap tahun, namun penduduk mendakwa kejadian banjir 'termenung' kali pertama berlaku dipercayai disebabkan pembinaan projek tebatan banjir di lokasi berdekatan. Penduduk bimbang jika tidak ditangani ia akan menjejaskan aktiviti menanam padi yang dirancang pada awal Januari depan dan mungkin terpaksa ditunda sehingga Mac atau April. **Nasional 22** (Foto Nik Abdullah Nik Omar/ BH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Pesara rugi RM30,000 akibat 'banjir termenung'

Oleh **YATIMIN ABDULLAH**
utusannews@mediamula.com.my

RANTAU PANJANG: Seorang pesara kerajaan terduduk dan hanya mampu termenung melihat tanaman kelapa dan pisang bermodalkan RM30,000 daripada wang pencennya, musnah ditenggelami banjir.

Kesemua 305 anak pokok ditanam Che Nazir Che Soh, 62, di Kampung Luar, di sini rosak kerana terlalu lama terendam dalam takungan air atau 'banjir termenung' yang tidak surut sejak dua minggu lalu.

Che Nazir berkata, biarpun cuaca panas, banjir termenung yang melanda kampung itu tidak surut sehingga dia sendiri kini kebingungan memikirkan kerugian besar bakal ditanggung.

"Kawasan ini tidak mudah banjir, kalau tenggelam pun air surut dengan cepat. Saya tidak dapat mengenal pasti jumlah kerugian sebenar kerana air belum surut," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Che Nazir antara 40 petani dan pesawah dari Kampung Luar dan Tersang, di sini yang berdepan masalah 'banjir termenung' sejak dua minggu lalu,



JOHARI Rashid (kanan) melihat kawasan sawah yang ditenggelami 'banjir termenung' di Kampung Luar, Rantau Panjang, Kelantan, semalam. - UTUSAN/YATIMIN ABDULLAH

dipercayai berpunca dari projek tebatan banjir di Gual Periok.

Sementara itu, wakil pesawah, Azli Jaafar, 53, berkata, banjir yang pertama kali berlaku itu menenggelamkan kira-kira 156 hektar kawasan tanah sawah di dua kampung berkenaan.

"Mujurlah majoriti pesawah

sempat menuai padi masing-masing sebelum banjir berlaku.

"Namun kita kluatir jika kerajaan tidak segera bantu cari jalan mengatasinya, fenomena 'banjir termenung' ini boleh menyebabkan kerja-kerja penanaman padi untuk kitaran seterusnya lewat berbanding jadual

asal," katanya.

Sementara itu, Pengurus Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Rantau Panjang, Johari Rashid ketika meninjau kawasan yang terjejas memberitahu, masalah dihadapi petani dan pesawah akan segera diadukan kepada kerajaan.



SWEET PICKINGS ...
Entrepreneur
Muhammad
Subri Zaid
harvesting
melons at
Peradong Food
Production Park
in Manir,
Terengganu.
- **BERNAMAPIX**

Tidak pinggir nelayan berdasar ideologi politik



Kerja-kerja pembinaan jeti nelayan di Kampung Fikri Setlu.

KUALA TERENGGANU: Kerajaan negeri tidak pernah meminggir golongan nelayan berdasar ideologi politik sejak dahulu sehingga sekarang.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani Dan Pembangunan Desa Dr Azman Ibrahim berkata, pada tahun ini kerajaan mengagihkan 600 lesen nelayan sampan.

Katanya kerajaan tidak sekat pemberian lesen ke-

pada nelayan berdasar ke- layakan mereka dan tanpa mengira parti politik.

"Cuma mungkin ada yang keliru kerana bot dicat hijau iaitu kod warna bot nelayan Terengganu sejak zaman berzaman.

"Ramai nelayan yang marahkan saya walaupun bukan Exco Pertanian yang menyuruh dicat warna hijau," katanya ketika meng- gulung perbahasan Bajet

2022 pada persidangan Dewan Undangan Negeri Terengganu baru-baru ini.

Sebelum itu ketika mem- bahas Bajet 2022 Adun Hulu Besut Nawi Mohamad meminta kerajaan negeri supaya berlaku adil dalam agihan kepada rakyat tanpa mengira pegangan politik.

Dr Azman juga berkata, pihak yang tidak faham sa- haja menjadikan warna bot sebagai isu, sedangkan ia warna tradisi bot di Tereng- ganu sejak dahulu lagi.

Menurutnya juga kera- jaan negeri membina jeti baru konkrit di jeti Kam- pung Batin Seberang Takir dan Kampung Geliga Kema- man menggantikan jeti kayu yang uzur.

Kata beliau jeti lama mer- bahayakan serta berisiko ke- pada nelayan.

"Begitu juga nelayan pan- tai yang tidak cukup modal hendak membeli peralatan kerajaan negeri. belanja RM300,000 bagi bantuan per- alatan untuk nelayan zon A.



Dr Azman Ibrahim pada persidangan Dun Terengganu.

"Antaranya *fishfinder*, peralatan memancing, ka- wat bulu dan pukut tangsi. Peruntukan itu memberi manfaat kepada seramai 415 nelayan di seluruh negeri," katanya.

Beliau juga berkata, kera- jaan negeri mengagih ban- tuan 'one off' RM500 kepada petani, penternak, nelayan yang disahkan positif Co- vid-19 sejak Perintah Kaw- alan Pergerakan (PKP) Mac 2020 sehingga Jun lepas.

Menurutnya juga ketika musim PKP, kerajaan negeri mengagih 600 Lesen Nela- yan Sampan bagi menoktah- kan penantian mereka sejak berpuluh tahun lalu.